



02 Feb 2019

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: A8 • Printed size: 172.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • Item ID: MY0035018350

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Unit Pestech peroleh kontrak bernilai RM280.89j daripada TNB

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Pestech International Bhd, Pestech Sdn Bhd (PSB), memperoleh dua kontrak daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bernilai RM280.89 juta.

Menurut kenyataan Pestech kepada Bursa Malaysia kelmarin, PSB telah menerima surat setuju-terima untuk membina pencawang masuk utama (PMU) 500/275kV Junjung (3x1050 megavolt ampere (MVA)) di Kedah bernilai RM168.39 juta.

Dalam kenyataan berasingan, Pestech berkata PSB menerusi Pembinaan Tajri Sdn Bhd telah memperolehi satu kontrak bagi kabel bawah tanah litar berkembar dari PMU Prince Court ke PMU Ampang bagi nilai kontrak keseluruhan RM112.50 juta.

Tempoh projek di Kedah selama 912 hari mulai tarikh

mula laksana manakala projek Ampang selama 730 hari.

“Memandangkan kawasan utara Semenanjung Malaysia itu dijangka mengalami kekurangan tenaga berikutan penamatan loji kuasa dalam beberapa tahun lagi, pembinaan PMU Junjung 500/275kV dengan kapasiti tenaga keseluruhan 3,150MVA dan pentenagaan talian Ayer Tawar-Junjung pada 500kV diperlukan untuk melancarkan pemindahan tenaga yang tinggi dari Perak ke kawasan Prai melalui beberapa transformer serta talian ke wilayah utara itu.

“Ini akan mempertingkatkan rangkaian grid dan menambah baik jaminan bekalan pada masa depan,” menurut Pestech.

Bagi projek di Ampang, skop kerja yang dicadangkan adalah untuk mereka bentuk, menghasilkan, membekal,

menaikkan dan pengoperasian kabel litar berkembar 275kV dari PMU Ampang ke PMU Prince Court yang dicadangkan itu.

Laluan kabel tersebut akan berada di jajaran tengah Kuala Lumpur dari kawasan Prince Court ke Jalan Taman U-Thant serta bersambung di Jalan Ampang ke arah kawasan Jelatek.

“Sistem kabel ini akan menghantar minimum 500MVA tenaga kepada setiap 275kV kabel litar di bawah projek ini dengan mengambil kira beban penuh operasi bagi semua kabel litar adalah termasuk sistem kabel kuasa ke jiranan,” kata Pestech.

Kedua-dua projek dijangka menyumbang secara positif kepada perolehan dan keuntungan Pestech bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 hingga 30 Jun, 2021 — Bernama



02 Feb 2019
Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: A8 • Printed size: 172.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • Item ID: MY0035018350

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Pestech International Bhd, Pestech Sdn Bhd (PSB), memperoleh dua kontrak daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bernilai RM280.89 juta. Menurut kenyataan Pestech kepada Bursa Malaysia kelmarin, PSB telah menerima surat setuju-terima untuk membina pencawang masuk utama (PMU) 500/275kV Junjung (3x1050 megavolt ampere (MVA)) di Kedah bernilai RM168.39 juta.